

Tarikh: 4 Jun 2026

## **KENYATAAN MEDIA PKKAD (KM-PKKAD 01/2026)**

---

Kenyataan Pertubuhan Khairat Kematian Alam Damai (PKKAD) ini adalah susulan penyebaran surat-surat mengenai urusan PKKAD melalui aplikasi WhatsApp dan beberapa WhatsApp Group Komuniti Alam Damai.

2. Adalah seyogianya bagi mana-mana organisasi untuk berlandaskan Perlembagaan; di mana Undang-Undang PKKAD berfungsi menggariskan tatakelola serta tatacara perjalanan PKKAD melalui prinsip berikut:
  - i) **Hak Ahli:** Mematuhi peraturan dalam menikmati manfaat, serta berinteraksi secara beradab melalui saluran rasmi seperti Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) atau Mesyuarat Khas.
  - ii) **Mandat Jawatankuasa:** Dilantik melalui MAT untuk menggalas tugas mengikut peruntukan Undang-Undang PKKAD dan membuat keputusan secara kolektif dalam mesyuarat Jawatankuasa.
  - iii) **Kuasa Muktamad MAT:** Diadakan untuk memantau pelaksanaan tanggungjawab Jawatankuasa melalui Laporan Setiausaha/Aktiviti dan Laporan Kewangan, yang di bahas dan di luluskan dalam MAT, serta memutuskan usul-usul tertentu demi kepentingan ahli.
3. Pertamanya, perkara-perkara yang dibangkitkan dalam surat-surat tersebut, kesemuanya, **telah pun diputuskan sebagai sah melalui MAT**, selaras dengan **tatakelola dan tatacara yang termaktub dalam Undang-Undang PKKAD**.
  - i) **Elaun dan Honorarium:** Jawatankuasa 2017-2019 telah merangka satu bentuk elaun insentif kepada Ahli Jawatankuasa seperti dilaporkan dalam **Laporan Setiausaha, dalam MAT Ke-11**, dengan Minit MAT Ke-11 yang juga **telah dibentangkan, diluluskan dan disahkan** tanpa sebarang pindaan atau pembetulan dalam MAT Ke-12. (**Tatakelola PKKAD**)
    - a. **Fasal 11c. Urusan MAT adalah** mengesahkan minit, **menerima Laporan Setiausaha/Aktiviti**, menerima Laporan Kewangan, melantik AJK dan menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam MAT tersebut.

**Tatacara** bayaran Elaun dan Honorarium ini jelas berada di bawah peruntukan Perbelanjaan Pentadbiran.

- b. **Fasal 6c.** Untuk Perbelanjaan Pentadbiran, tidak lebih daripada Dua puluh peratus (20%) dari yuran tahunan yang terkumpul boleh digunakan setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa dan penyata terperinci diselenggarakan oleh Bendahari.

- ii) **Dana Infaq/Waqaf:** Usul Pindaan Undang-Undang PKKAD **telah diluluskan dalam MAT Ke-17** dan telah dipinda Undang-Undang PKKAD ke Edisi 8.

Tatacara atau kaedah **kelulusan perbelanjaan Dana Infaq/Waqaf** adalah melalui Undian (Poll) WhatsApp PKKAD atau undian dalam MAT.

Kaedah Undian (Poll) WhatsApp selaras dengan undian dalam satu MAT, satu undi untuk seorang Ahli dan dalam satu jangka masa yang ditetapkan. Pasangan atau tanggungan Ahli tiada hak mengundi.

- a. **Fasal 6e.** Dua puluh peratus (20%) daripada yuran tahunan yang terkumpul akan dikategorikan sebagai Dana Infaq/Waqaf, yang boleh digunakan untuk program atau projek Infaq/Waqaf yang akan memberi manfaat kepada Ahli-Ahli. Kelulusan penggunaan adalah melalui *Poll di WhatsApp Group* Pertubuhan atau Mesyuarat Agung Tahunan **dengan majoriti mudah** Ahli-Ahli.
- b. **Fasal 4j. i)** Hanya salah seorang daripada pasangan **Ahli** (suami atau isteri) yang layak mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Khas.

- iii) **Program Wasiyyah PKKAD:** Telah diluluskan sebagai Usul Jawatankuasa dalam MAT Ke-18 dengan undian majoriti.

Program Wasiyyah PKKAD adalah satu bentuk bantuan kewangan kepada Ahli atau tanggungan untuk menyediakan wasiat, berlandaskan peruntukan Undang-Undang PKKAD Edisi Ke-4 (2016) hingga Ke-7 (2020) yang kini diterapkan bawah Fasal 6.

- a. *Fasal 7d.* Pertubuhan juga boleh mewujudkan apa-apa bantuan kewangan lain dan bayaran *sagu hati* yang dirasakan perlu bagi tujuan kebajikan ahli dan tanggungan ahli dengan kelulusan majoriti biasa Mesyuarat Agung Tahunan.

4. Kedua, penyebaran surat kepada orang awam yang kebanyakannya bukan Ahli PKKAD, untuk mempertikaikan keputusan-keputusan muktamad MAT dan kewibawaan Ahli Jawatankuasa, adalah **tindakan yang melanggar Undang-Undang PKKAD.**

Tindakan ini telah menjejaskan keharmonian komuniti, nama baik PKKAD, serta memberi konotasi negatif terhadap kewibawaan Ahli-Ahli Jawatankuasa PKKAD.

- a. **Fasal 14c.** Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh **mengemukakan kemusykilan di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad.**
- b. **Fasal 14d.** Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat dari menjadi Ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa.

Jawatankuasa PKKAD memilih pendekatan untuk memelihara keharmonian komuniti, dan berharap pencerahan ini dapat menjelaskan situasi sebenar demi nama baik PKKAD serta kemaslahatan bersama.

Sekian.

Yang menjalankan amanah,

**AHLI JAWATANKUASA PKKAD 2025-2027**

Pertubuhan Khairat Kematian Alam Damai